

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN :

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan usaha Kerajaan untuk membangunkan Sarawak
supaya pembangunannya setaraf dengan pembangunan di
Semenanjung Malaysia.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pembangunan di Negeri Sarawak dan negeri-negeri lain sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (RMKe-11), Kerajaan terus komited dalam usaha merapatkan jurang pembangunan di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Tumpuan Kerajaan adalah mempercepatkan pembangunan dengan meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti serta peningkatan pelaburan yang akan memberi manfaat terbaik kepada penduduk tempatan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) (2011 – 2015), Negeri Sarawak telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM18.1 bilion.

Di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-11 (2016) pula, Negeri Sarawak menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM4.2 bilion.

Dalam tempoh RMKe-10, kemajuan signifikan telah dicapai dalam penyampaian infrastruktur asas luar bandar di Negeri Sarawak. Jumlah liputan jalan luar bandar di Sarawak telah meningkat sebanyak 33% iaitu daripada 4,565 kilometer pada tahun 2009 kepada 6,089 kilometer pada tahun 2015. Bagi liputan bekalan elektrik luar bandar di Negeri Sarawak pula telah mencapai 94.4% dan bekalan air luar bandar di Negeri Sarawak telah mencapai 82.6% pada tahun 2015.

Di bawah RMKe-11 pula, pelaksanaan projek infrastruktur/kemudahan utiliti akan terus dipertingkatkan bagi menyokong proses pembangunan dan kesejahteraan rakyat di Negeri Sarawak. Bagi tempoh 2016, sebanyak RM306.8 juta telah diperuntukan bagi pembinaan jalan luar bandar, RM56.5 juta bagi pembangunan bekalan air luar bandar dan RM332.0 juta bagi pembangunan bekalan elektrik luar bandar di negeri Sarawak. Dengan peruntukan tersebut, dijangka sepanjang 203.7 kilometer jalan di luar bandar negeri Sarawak dapat disediakan. Selain itu, tambahan 1,000 buah rumah di luar bandar negeri Sarawak disasarkan akan mendapat akses kepada bekalan air bersih dan terawat. Dalam tempoh yang sama, tambahan 4,500 buah rumah di luar bandar Negeri Sarawak disasarkan akan mendapat akses kepada bekalan elektrik. Di samping itu, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo

juga akan meningkatkan ketersambungan dan seterusnya merancakkan lagi pembangunan dan juga ekonomi Negeri Sarawak dan Sabah.

Bagi terus membangunkan Sarawak dan merangsang pertumbuhan ekonomi, Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) telah diwujudkan pada tahun 2008. Sejak penubuhan SCORE di Sarawak pada tahun 2008 sehingga kini, sebanyak RM31 billion jumlah pelaburan dan 21,471 peluang pekerjaan berjaya direkodkan.

Secara amnya, pelaksanaan projek-projek pembangunan ekonomi di Sarawak akan menarik pelaburan yang akan meningkatkan kemampuan ekonomi dan menjana peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Sekian, terima kasih.

November 2016